



KONVENSYEN PEMERKASAAN PBT



YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia telah merasmikan Konvensyen Pemerksaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berlangsung pada 10 Disember 2018 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Konvensyen dua hari dengan tema “Bandar Kita Milik Kita” dianjurkan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan untuk memperkukuh peranan PBT selaras dengan hala tuju Kerajaan baharu dan memberikan peluang kepada Ahli Majlis untuk bertukar pandangan serta menyumbang idea ke arah menjadikan perkhidmatan PBT lebih dinamik.

Konvensyen kali ini juga turut berkongsi amalan terbaik mengenai *Local Government Election* dan *Towering Personality For Local Government Councillors* yang disampaikan oleh wakil dari *Commonwealth Local Government Forum (CLGF)*. Seramai 18 orang tokoh dari luar negara dan juga tempatan telah mengupas isu-isu semasa melalui sesi perbincangan panel dan *parallel session*. Topik-Topik yang dibincangkan menjurus kepada isu-isu, cabaran semasa dan cadangan strategi dalam melaksanakan agenda PBT seperti *Sustainable Development Goal* dan *New Urban Agenda*.

Konvensyen yang julung kali diadakan ini telah mengumpulkan seramai 3,000 orang peserta yang terdiri daripada Datuk Bandar, Yang Dipertua, Setiausaha PBT dan Ahli Majlis seluruh Malaysia dalam satu wacana secara kolektif.

Komponen Utama dalam Program Konvensyen Pemerkasaan PBT ini Sesi Town Hall Bersama YBM KPKT, sesi perbincangan panel dengan tajuk antaranya : Hala Tuju Baharu PBT di Malaysia, Peranan Pemegang Taruh dalam Pembangunan Bandar, Pengurusan Mapan Kerajaan Tempatan dan Bandar Kita, Milik Kita



Penganjuran konvensyen ini dijangka dapat memberikan nilai tambah bagi memenuhi aspirasi ke arah meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan di PBT pada masa hadapan.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat